

CHINA DAN KUASA HEGEMONI BARU EKONOMI

RUSDI OMAR

Fakulti Pengajian Antarabangsa
Universiti Utara Malaysia

ABSTRAK

Kejatuhan empayar Soviet Union pada tahun 1990 telah menyaksikan bahawa China adalah satu-satunya negara besar tunggal yang berfahaman komunis di dunia dan berkemungkinan besar mengambil alih peranan yang dimainkan oleh Soviet Union sebelum ini. Kemunculan semula China di arena antarabangsa selepas menjalankan dasar isolasi dapat memberi impak yang besar terhadap negara-negara kuasa besar yang lain. Hasrat dan aspirasi China untuk kembali menjadi sebuah kuasa hegemoni baru terutamanya dalam aspek ekonomi bukan sahaja di peringkat serantau tetapi juga di peringkat global telah menjadikannya sebagai negara yang digeruni oleh kuasa besar yang lain. Artikel ini, akan membincangkan perubahan dasar ekonomi tertutup kepada dasar ekonomi terbuka yang diimplimentasikan oleh pemimpin negara China dalam usaha untuk menjana aktiviti perekonomian yang lebih kompetitif serta kepentingan keanggotaan China dalam Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO). Selain itu peranan kemasukan Hong Kong dan Macau turut memangkin kepada pembangunan ekonomi China.

ABSTRACT

The result of the break up of the Soviet Union empire in 1990 saw the emergence of China as the sole super power which still clings to the Communist ideology. China thus has the potential of taking over the previously held role of the Soviet Union. The re-emergence of China in the international arena after a long period of isolation may create a great impact on other super powers. China's intention and aspiration to be a new economic hegemonic power not only at regional but also at global levels makes China a country to be reckoned with. The writer will seek to discuss in this article three factors that contribute to China's economic success; firstly, the developments that have taken place in the transformation of China's economic policy from centrally controlled economy to that of open and free economy as implemented by the Chinese leadership as part of their effort to generate economic activities and increased

competitiveness; secondly, the efforts in safeguarding China's interests in the WTO; and lastly, the role of Hong Kong's and Macau's participation in China's economic development.

PENDAHULUAN

Keupayaan China untuk mencapai taraf sebagai sebuah kuasa hegemoni dunia tidak perlu dipertikaikan lagi memandangkan perubahan demi perubahan yang telah dilakukan oleh para pemimpin China dalam pelbagai aspek, termasuk ekonomi serta penstrukturan semula dalam aspek keselamatan. Kuasa hegemoni bermaksud sebuah negara bangsa yang memiliki keunggulan dari segi ekonomi dan ketenteraan yang sudah pasti melaksanakan unsur-unsur dominasi dan monopoli. Ini bermula daripada tahap pembinaan semula China oleh Mao Tze-Tung yang berfahaman komunis pada tahun 1949 dan pemerintahannya digantikan oleh Deng Xiaopeng yang telah membuat perubahan dan penstrukturan semula ke atas China supaya lebih terbuka kepada dunia luar. Dalam memastikan agar China dapat dibentuk menjadi sebuah kuasa hegemoni di arena antarabangsa, aspek ekonomi dan keselamatan dijadikan sebagai tumpuan penting.

Nama yang digunakan oleh pemerintah China iaitu '*Chung Kuo*' (Pusat Dunia) membayangkan hasrat dan cita-cita yang tinggi daripada pemerintah China untuk menjadikan China sebagai pusat perkembangan budaya dan kuasa hegemoni dunia. China sebenarnya telah menganggap dirinya sebagai sebuah kuasa hegemoni dunia semenjak sebelum kedatangan pihak Barat yang menguasai China melalui peperangan dan ikatan perjanjian yang dilakukan.¹ Tanggapan ini berasaskan kepada beberapa faktor tertentu iaitu China begitu menyanjung tinggi budayanya dan juga berdasarkan kepada pencapaian kemajuan teknologi yang dimiliki oleh China semasa pemerintahan Dinasti Han.² Walaupun begitu, struktur global seperti yang digambarkan oleh pengkaji di China adalah bercorak '*yi chao duo qiang*' iaitu kewujudan kuasa besar dan tunggal seperti Amerika Syarikat yang kini berhadapan dengan kuasa-kuasa besar yang lain seperti China, Russia, Jepun dan Kesatuan Eropah.³ Keadaan ini menunjukkan adalah tidak mustahil China akan mencapai taraf sebagai sebuah kuasa hegemoni dunia yang unggul dan berpengaruh memandangkan keadaan dunia yang kini lebih bersifat anarki. Kemunculan China sebagai sebuah kuasa hegemoni dunia juga sebenarnya didorong oleh faktor-faktor yang lain seperti kedudukan geografi, bilangan rakyat yang ramai dan kelebihannya dalam bidang teknologi. China mula bangkit dengan mencabar kuasa-kuasa lain di

dalam dunia selepas berakhirnya Perang Dingin. Keruntuhan kuasa Soviet Union yang sebelum ini merupakan kuasa komunisme tunggal menyaksikan kemunculan China yang kini turut mengamalkan fahaman komunisme. China telah bangkit daripada pemencilan yang dialaminya dalam tempoh Revolusi Budaya sebagai *'player'* yang aktif dan penting di arena antarabangsa. Ini dapat disaksikan ekoran daripada tahun 1971 apabila Republik Rakyat China telah mendapat tempat dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Ini menunjukkan China boleh bertindak selaras dengan kuasa veto yang dimilikinya seperti yang dimiliki oleh kebanyakan kuasa besar seperti Amerika Syarikat.

Kini, China merupakan salah satu daripada lima ahli tetap dalam Majlis Keselamatan PBB dan segala tindakan yang dilaksanakan oleh China mampu untuk memberi kesan terhadap negara lain. Signifikannya, China dianggap sebagai salah sebuah negara yang berkuasa dalam Majlis Keselamatan PBB. Status *'Most Favored Nation'* (MFN) yang dimiliki oleh China dalam perdagangan antarabangsa memberikannya kelebihan dalam menjalinkan hubungan dagangan dengan negara lain. Keupayaan China untuk menjadi sebuah kuasa hegemoni dunia yang unggul adalah tidak mustahil untuk dicapai berdasarkan kepada perkembangan ekonomi dan kemajuan teknologi akibat daripada dasar pintu yang lebih terbuka. Keadaan ini seterusnya akan menjadikan China sebagai pesaing kepada kuasa-kuasa besar yang telah sedia ada.

PEMBANGUNAN EKONOMI CHINA DI BAWAH KUASA KOMUNIS

Dalam matlamatnya mencapai taraf sebuah negara maju, China telah berusaha untuk membentuk satu sistem ekonomi yang teratur serta mampu untuk menangani sebarang krisis atau masalah yang timbul supaya keadaan ekonomi di negara tersebut tidak mudah tergugat, sekaligus tidak akan melenyapkan keyakinan para pelabur asing untuk terus menanam modal.

Dalam era 1980-an, situasi ekonomi di rantau Asia Timur telah memasuki tempoh perkembangan yang pantas. Kemajuan dalam aspek ekonomi China telah menarik perhatian negara luar.⁴ Perkembangan yang dinamik dalam ekonomi di China merupakan di antara perkembangan yang penting dalam abad ke-20. Di bawah pemerintahan beberapa pemimpinnya, China telah mengalami banyak perubahan bergantung kepada dasar yang digubal oleh setiap pemimpin. Walau bagaimanapun, polisi dan institusi untuk

pembangunan ekonomi semasa pemerintahan Mao Zedong⁵ (1952-1975) berbeza dengan Deng Xiaoping (1978-1995). Penekanan yang berbeza juga berlaku dalam pembangunan ekonomi pada zaman pentadbiran Jiang Zemin.⁶

Semasa pentadbiran Mao Zedong, perbezaan yang nyata adalah pelaksanaan dan implementasi ekonomi yang bercorak Soviet (*Soviet-type economy*) ke dalam sistem ekonomi China.⁷ Peladang bekerja di dalam sebuah kumpulan dan pendapatan yang diperoleh dikongsi bersama. Pasaran telah digantikan dengan rancangan untuk memperuntukkan sumber-sumber dan pelaburan. Bank-bank, perdagangan domestik dan asing pula telah dimiliknegerakan dan berada di bawah kawalan negara. Semasa pemerintahan Deng Xiaoping pula, beliau memfokuskan kepada masalah-masalah ekonomi yang berlanjutan semenjak dari zaman Mao Zedong lagi. Kini, para petani mempunyai hak ke atas tanah mereka dan pengeluaran sendiri serta mendominasi ekonomi di kawasan pedalaman China. Dalam usaha mengurangkan jurang di antara tahap teknologi dan keberkesanan dalam ekonomi China dengan negara-negara maju di dunia, maka Deng Xiaoping telah melaksanakan satu dasar iaitu membuka ekonomi China kepada perdagangan dan pelaburan antarabangsa.

Perkembangan dalam ekonomi yang bercorak pasaran dengan syarikat-syarikat yang bukan milik negara (*non-state enterprise*) telah memiliki saham yang dominan dan dapat membuat keuntungan tanpa sebarang kawalan daripada pihak kerajaan. Dasar ekonomi yang dilaksanakan oleh Deng ini dapat digambarkan sebagai suatu proses yang dilihat seperti sebuah ekonomi sosialis yang memiliki ciri-ciri ekonomi China.⁸ Perubahan dasar ekonomi dari zaman Mao Zedong kepada Deng Xiaoping ini melibatkan pengagihan kuasa pusat yang signifikan dalam proses pembuatan keputusan dalam aspek ekonomi dan juga tanpa sebarang campur tangan daripada pihak negara dalam aspek kehidupan seharian masyarakatnya.

Pada zaman pentadbiran Jiang Zemin, polisi-polisi dalam aspek ekonomi digubal untuk memastikan China dapat meneruskan perkembangan ekonominya dengan lebih baik dan mengatasi masalah ekonomi dengan lebih efisien. Perkara utama yang diberi tumpuan ialah mengambil langkah-langkah yang perlu untuk berhadapan dengan kejatuhan ekonomi.⁹ Purata kadar pertumbuhan ekonomi yang ditunjukkan semasa pentadbiran Deng adalah sebanyak 9.8% dan purata ini berkekalan dalam jumlah yang positif. Namun, pada tahun 1992-1997 ia telah menunjukkan penurunan dalam keadaan negatif

sebanyak 1.17.¹⁰ Kadar pertumbuhan purata GDP adalah sebanyak 14.2% pada tahun 1992, 13.5% pada 1993, 12.6% pada 1994, 10.5% pada 1995, 9.6% pada 1996 dan 8.8% pada 1997. Oleh yang demikian, tumpuan utama yang diberikan oleh Jiang Zemin ini berkisar dalam aspek usaha-usaha yang perlu dilakukan untuk memastikan ekonomi China dapat berkembang dengan baik untuk menjadikan China cemerlang dalam aspek ekonominya.

Pada lewat tahun 1978 pemimpin di China telah mengubah keadaan ekonomi iaitu daripada ekonomi yang berpusat dan terancang kepada suatu sistem yang lebih berdasarkan kepada pasaran. Sistem ini beroperasi dalam ruang lingkup politik yang dikawal ketat oleh pihak komunis. Pada tahun 2000 dengan bilangan penduduk sebanyak 1.26 billion, China telah muncul sebagai sebuah negara kedua terbesar dari segi ekonomi di dunia selepas Amerika Syarikat (AS).¹¹

Keadaan ini semakin berubah justeru pelaksanaan dasar ekonomi terbuka (*open door policy*) yang menjadikan China lebih terbuka kepada dunia luar dalam pelbagai aspek. Semasa pemerintahan Deng Xiaoping beliau berusaha untuk menggalakkan keadaan ekonomi China kerana menurut pandangan beliau, salah satu kelemahan China untuk terus maju ke hadapan adalah kerana dasar tutup pintu yang diamalkan. Walaupun China telah membuka pasaran ekonominya kepada negara luar, namun negara itu tetap berhati-hati untuk tidak terlalu bergantung kepada pasaran asing yang mana kebergantungan itu dianggap sebagai hubungan '*neo-colonial*'.¹² Pemimpin China, Mao Tze-Tung berpendapat bahawa China perlu mempunyai kepercayaan kepada diri sendiri. Bergantungan kepada negara-negara barat dilihat sebagai suatu peringkat bagi negara-negara yang ingin maju dan membangun kerana negara-negara tersebut tidak dapat menggalakkan perkembangan ekonomi mereka sendiri akibat terlalu bergantung dengan pasaran dan harga yang didominasi oleh kuasa-kuasa besar.

Idea dan polisi-polisi yang dijalankan oleh Deng Xiaoping ini adalah untuk membentuk semula ekonomi China selama lebih 15 tahun digelar sebagai '*Theory of Deng*' atau '*Dengism*'.¹³ Modernisasi yang dijalankan di China dalam aspek ekonomi ini dilaksanakan untuk meningkatkan taraf kehidupan rakyat dan kekayaan material bagi masyarakat. Pembangunan ekonomi China tidak menentu pada awalnya akibat daripada Revolusi Budaya pada pertengahan tahun 1960-an. Namun, rancangan modernisasi yang dilancarkan pada tahun 1978 memperlihatkan kesungguhan China yang bercita-cita tinggi mencapai kejayaan dalam aspek ekonominya. Terdapat dua tujuan

utama berlakunya perubahan ekonomi China pada tahun 1979 iaitu untuk membetulkan dua masalah asas yang berlaku iaitu penekanan yang lebih terhadap pelaburan dan juga industri berat dan keperluan dan insentif untuk menggalakkan pengeluaran.

China kini sedang mengalami perubahan ekonomi yang pantas. Kebanyakan pelaburan langsung asing kini lebih tertumpu di China iaitu pada tahun 2001 sahaja, China telah menerima sebanyak 47 billion dolar, meningkat sebanyak 10 kali ganda berbanding pada tahun 1990. Ini juga disebabkan oleh aliran masuk pelaburan ke negara ASEAN sudah berkurangan kerana para pelabur melihat peluang yang lebih cerah di China. Pola pembangunan ekonomi yang berlaku di China bermula apabila ia menyertai liga negara-negara yang sedang pesat membangun. Kepesatan kemasukan pelaburan dan modal ke China turut disertai dengan penguasaan teknologi tinggi.

Negara-negara lain di dunia menyedari kini mereka terpaksa bersaing dengan China yang semakin kompetitif dalam eksport barangan. Ini kerana apa juga barangan yang akan dieksport oleh negara lain juga akan turut dieksport oleh China. Bagi negara-negara Asia, kini mereka akan berhadapan dengan China sebagai sebuah kuasa besar dalam aspek ekonomi.

Oleh yang demikian, tidak wujud teori bahawa China sering dianggap sebagai suatu ancaman bagi negara lain. Dengan penyertaan Hong Kong ke dalam China, maka ia kini semakin maju dan membangun. Hong Kong dianggap sebagai satu '*gateway to China*' kerana banyak firma-firma asing kini mula memasuki China melalui Hong Kong. Hong Kong juga bertindak sebagai pusat kewangan yang utama bagi China serta menguruskan bidang-bidang logistik termasuk pengurusan rangkaian pembekalan dan perancangan pengangkutan serta pengurusan korporat kerana kepakaran Hong Kong dalam bidang ini adalah jauh lebih hebat daripada China. Ini disebabkan Hong Kong yang mengamalkan aktiviti dalam suasana '*free trade*'.

Kini, dominasi ekonomi Asia khususnya oleh negara-negara Asia Timur adalah di antara perubahan yang dijangka akan berlaku terhadap ekonomi dunia dalam jangka masa di antara 10 hingga 15 tahun yang akan datang. George Yeo selaku Menteri Perdagangan dan Industri Singapura menyatakan bahawa China mangalami perubahan ekonomi yang paling ketara dan pesat serta ia dijangka akan menyamai pertumbuhan ekonomi Jepun dalam jangka masa 10 tahun yang akan datang walaupun kini ekonomi China hanyalah satu per empat daripada ekonomi Jepun.¹⁴

DASAR PINTU TERBUKA

Perkembangan dalam hubungan dagangan dan ekonomi China di rantau Asia Pasifik telah memainkan peranan yang penting dalam usaha untuk membangunkan keadaan ekonomi di rantau tersebut dan seterusnya akan menyumbang kepada kemakmuran. Pembangunan ekonomi China tidak dapat dipisahkan dengan kerjasama yang terjalin di rantau Asia Pasifik terutamanya di Asia Timur.¹⁵

Pelaksanaan dasar pintu terbuka di China semenjak pada tahun 1977 seharusnya difahami secara keseluruhan di dalam konteks perubahan ekonomi dan sosial. Namun begitu, aspek penting yang ditekankan di sini ialah aspek ekonomi di mana perubahan ini telah membawa kepada proses-proses modenisasi dan seterusnya menggalakkan perkembangan ekonomi di China. Liberalisasi dalam perdagangan asing diteruskan bersama-sama dengan perubahan yang berlaku dalam pengurusan serta organisasi dalam syarikat-syarikat perdagangan di China.¹⁶ Keterbukaan China terhadap dunia luar dapat menyumbangkan industri perkhidmatan di China dengan bekalan modal serta mempromosikan pembangunan yang dilakukan di dalam sektor perkhidmatan kepada dunia luar.

Terdapat beberapa pertimbangan yang dapat dilihat dari sudut politik mengenai penubuhan *Special Economic Zone's* (SEZ's). Ini SEZ's adalah sebuah zon perdagangan yang dibangunkan untuk menjana ekonomi di China. Ia dibentuk dalam sebuah kawasan yang telah ditentukan untuk memastikan agar China dapat bersaing dengan negara lain dalam aspek ekonomi.

Berdasarkan kepada undang-undang di China, pelaburan asing yang dilakukan di SEZ's terlindung daripada sebarang rampasan oleh kerajaan. Ini menjadi satu kebimbangan kepada pelabur asing kerana China yang mengamalkan sistem komunisme.¹⁷ SEZ's ini dibentuk sebagai sebuah entiti yang serba lengkap (*self-contained*). Ia digambarkan sebagai:

“Isolated from the rest of China, to serve as experimental laboratories where the impact of modernization and various reform policies could be observed without causing undue repercussions to the rest of the nation.”¹⁸

Pada akhir tahun 1970-an, China telah melaksanakan dasar baru ini kepada dunia luar. Menurut pandangan beberapa pemimpin China

pemencilannya adalah dianggap sebagai salah satu punca kelemahan. Interaksi yang dijalankan dengan dunia luar dilihat akan lebih memberikan kesan yang positif bagi China iaitu ia akan menjadi lebih kuat dan teguh akibat daripada persaingan yang wujud. Sebagai contoh, negara-negara industri baru seperti Jepun, Korea Selatan, Taiwan dan Hong Kong serta Singapura telah mula berkembang dari aspek ekonominya kerana interaksi mereka dengan pasaran antarabangsa.¹⁹

Sekiranya China mengamalkan dasar pemencilan dengan dunia luar, maka China tidak mampu untuk membangunkan negaranya memandangkan China tidak dapat mengadaptasi aspek sains dan teknologi yang amat penting untuk membangunkan negaranya. Program-program yang bakal dilaksanakan dapat memberikan komitmen yang utama kepada pembangunan ekonomi yang menekankan kepada Empat Modernisasi (*Four Modernisations*) iaitu dalam aspek industri, pertanian, sains teknologi serta keselamatan nasional.

Pelaksanaan program ini adalah untuk membentuk China ke arah sebuah negara yang kaya, moden dan sebagai sebuah negara sosialis yang berkuasa pada penghujung abad ke 20.²⁰ Implementasi daripada program ini adalah untuk memastikan agar China berada di barisan hadapan dunia menjelang abad ke-21.²¹ Strategi ini dilaksanakan untuk menggerakkan ekonomi di China dengan kemasukan teknologi yang terkini.

China adalah sebuah negara yang mempunyai kepentingan kepada negara-negara yang terletak di rantau Asia Timur ekoran daripada pelaksanaan dasar pintu yang lebih terbuka kepada dunia luar. Terdapat kira-kira 60%-70% daripada eksport China dan terdapat lebih daripada 50% daripada import China pula yang berlaku di rantau ini. Rakan-rakan dagangan yang penting bagi China seperti Hong Kong, Taiwan, Jepun, Amerika Syarikat dan juga Macau serta pelabur asing yang penting bagi China kebanyakannya daripada negara-negara yang tertumpu di rantau ini.²²

Berdasarkan kepada statistik yang diperolehi pada tahun 1991, jumlah keseluruhan pelaburan asing yang berpunca daripada Macau dan Hong Kong berada di tempat pertama iaitu sebanyak 62.6%, Taiwan 11.58%, diikuti dengan Jepun sebanyak 6.77%, Amerika Syarikat 4.5% dan Singapura 1.28%. Kelima-lima negara yang dinyatakan ini secara tidak langsung telah menyumbangkan kepada 86% pelaburan di China. Pada tahun 1992, pelaburan asing ini telah meningkat sebanyak

11.66 billion dollar iaitu 1.6 kali ganda lebih banyak daripada tahun 1991. Selain itu, perubahan yang berlaku turut menyebabkan penyerapan unsur-unsur kapitalisme dalam sistem ekonomi di China seperti perubahan dalam struktur pembayaran gaji pekerja, usahasama yang dilakukan dengan modal-modal asing serta membawa kepada pembentukan kawasan perdagangan dan zon ekonomi bebas. Dasar yang dilaksanakan ini juga merupakan suatu kaedah yang diperlukan untuk memindahkan aspek-aspek sains dan teknologi supaya masuk ke dalam China. Dasar ini dilihat lebih signifikan dan ia berbeza dengan dasar-dasar yang digubal sebelumnya.

Dasar ini juga dilaksanakan kerana keperluan kepada peralatan yang lebih maju serta kemahiran-kemahiran yang tertentu. Sifat atau ciri yang terpenting di dalam pembuatan dan pelaksanaan Dasar Pintu Terbuka ini adalah ekonomi yang lebih terbuka dan bukannya dalam aspek-aspek lain yang keberkesannya telah dikaji dengan pembentukan *Special Economic Zones (SEZ's)*. Kawasan-kawasan yang tergolong di dalam lingkungan SEZ ini menjalankan perdagangan bebas.

Objektif asas kepada dasar pintu terbuka adalah untuk mendapatkan kerjasama dalam ekonomi melalui perdagangan dengan negara asing serta menerima teknologi terkini daripada dunia luar. Teknologi disifatkan oleh China sebagai aspek penting di dalam pengurusan dan merupakan kemahiran yang perlu dimiliki dalam pemasaran barangan.

Dasar ini telah banyak memberikan manfaat kepada China terutamanya di dalam menggalakkan ekonomi domestik. Polisi ini juga sebenarnya menggalakkan pelaburan asing dan turut mengawal dan mengelakkan dominasi terhadap sektor-sektor industri di peringkat domestik yang menghala ke arah pergantungan terhadap barangan dan pasaran asing. Dalam konteks membuka pasarannya, kerajaan China cuba untuk mengelakkan hal ini daripada berlaku iaitu tidak akan melepaskan atau membebaskan beberapa sektor ekonomi sehingga ia sudah cukup kuat untuk bersaing dengan perindustrian di barat.

Pada awal pelaksanaan dasar pintu terbuka ini, China telah mengawal simpanan tukaran asingnya dan menjelang tahun 1984 telah berlaku kenaikan sebanyak 14.42 billion dollar. Keadaan ini dianggap sebagai kejayaan besar bagi China sekaligus telah meletakkannya sebagai sebuah negara yang selamat dengan hanya selepas empat tahun pelaksanaan dasar pintu terbuka.

Konsep membuka ekonomi China kepada dunia luar yang dipraktikkan oleh China serta pembaharuan yang dilaksanakan olehnya dalam aspek ekonomi ini telah menjadikan China melalui suatu tempoh peralihan yang cukup signifikan. Pengenalan terhadap ekonomi yang berasaskan pasaran telah menghasilkan elemen-elemen '*Market-facilitating-state*'.²³ Ciri-ciri utamanya adalah ia dapat mempromosikan konsep keusahawanan (*entrepreneurship*), mengambil bahagian untuk menerima sebarang risiko, melakukan aktiviti-aktiviti untuk mendapatkan keuntungan serta mentakrif hubungan antara faktor-faktor ekonomi dalam pasaran dan akan menyelesaikan pertikaian ekonomi melalui pendekatan undang-undang. Selain itu, terdapat juga individu-individu yang profesional dan mempunyai kemahiran teknikal.

Kesemua elemen yang dinyatakan iaitu memberikan tumpuan terhadap modal asing serta pembaharuan dalam ekonomi domestik telah menjadikan China semakin mara ke hadapan. Peralihan ke arah '*Market-facilitating-state*' juga dapat dikaji dalam penstrukturan semula institusi-institusi negara, perubahan dalam cara pengoperasian pasaran, dan juga dalam komposisi sosial. Dasar Pintu Terbuka kini bukan sahaja merupakan adaptasi daripada institusi-institusi yang telah sedia ada tetapi juga membawa kepada pembentukan institusi-institusi yang baru. Misalnya, kesan daripada pembentukan SEZ's ini telah membawa kepada penubuhan *Special Economic Zone's Affairs Office* di bawah Majlis Negara (*State Council*).

Pembangunan yang dilaksanakan di SEZ's ini menunjukkan ia adalah sebagai salah satu cara untuk meningkatkan hubungan dengan ekonomi global. Walau bagaimanapun, hubungan ekonomi global China mulai menjadi semakin penting pada tahun 1990-an. Ini selaras dengan peningkatan dalam pelaburan asing. Pembentukan SEZ's ini menjadi mekanisme untuk meningkatkan serta mengawal hubungan ekonomi luaran China.²⁴

Semenjak berlakunya pembaharuan, China telah menjadi kuasa utama dalam pasaran di peringkat dunia dan juga merupakan penerima (*recipient*) modal asing terbesar, yang mana kedua-duanya adalah melalui pelaburan langsung asing.²⁵ Perdagangan yang berlaku telah membuka semula kemungkinan untuk menjalankan industri berorientasikan eksport terutamanya di kawasan selatan negara tersebut. Walaupun firma-firma asing di China mempunyai kepentingan dalam membantu eksport namun firma-firma domestik memainkan peranan yang lebih besar. Ekonomi pasaran sosialis (*socialist market economy*) di China membayangkan bahawa China

adalah negara yang mengamalkan perdagangan bebas (*free trading nation*) seperti Hong Kong.

Pada awal tahun 1990-an telah berlaku kadar eksport yang lebih tinggi oleh negara China kepada negara-negara di Asia. Statistik perdagangan China menunjukkan bahawa di antara tahun 1990 sehingga 1996, kadar eksport ke Hong Kong adalah sebanyak 23.5%, Singapura 89.8% dan Thailand telah meningkat sebanyak 52.4%.²⁶ Jadual 1 menunjukkan aliran dagangan import dan eksport di antara China dengan rakan dagangannya di negara Asia iaitu Taiwan, Thailand, Hong Kong serta Singapura dari tahun 1990 sehingga tahun 1999.

Jadual 1
Aliran Perdagangan China dengan Rakan Dagang Asia
yang Terpilih
(Juta Dalam Dollar Amerika)

Eksport	Hong Kong	Singapura	Thailand	Taiwan	JUMLAH
1990	26,650.1	1,974.7	823.5	319.7	62,093
1991	32,137.2	2,014.2	847.8	594.8	71,842
1992	37,512.2	2,030.9	894.8	693.5	84,940
1993	22,049.7	2,245.3	750.5	1,461.8	91,763
1994	32,361.0	2,558.1	1,159.3	2,242.2	121,038
1995	35,983.4	3,500.6	1,751.8	3,098.1	148,770
1996	32,906.3	3,748.8	1,254.8	2,801.8	151,066
1997	43,782.9	4,323.3	1,501.1	3,396.7	182,700
1998	38,753.2	3,930.0	1,148.1	3,869.6	182,697
1999	36,890.6	4,502.2	1,435.7	3,950.1	194,925
Import	Hong Kong	Singapura	Thailand	Taiwan	JUMLAH
1990	14,254.4	857.5	371.0	2,255.0	53,350
1991	17,463.0	1,062.5	421.7	3,639.0	63,791
1992	20,533.6	1,235.9	424.5	5,866.0	80,585
1993	10,446.5	2,645.8	601.5	12,931.2	103,95
1994	9,441.7	2,491.7	864.4	14,085.6	115,693
1995	8,590.7	3,397.8	1,610.8	14,783.9	132,078
1996	7,826.9	3,600.9	1,890.4	16,180.1	138,838
1997	6,990.3	4,464.7	2,013.9	16,441.2	142,400
1998	6,658.4	4,224.3	2,412.8	16,629.6	142,361
1999	6,892.4	4,061.2	2,780.5	19,538.5	165,768

Sumber: Martin, M. F. (2000).

Komposisi eksport dilihat semakin meningkat daripada tahun 1990 sehingga tahun 1999 di mana Hong Kong merupakan negara yang mempunyai jumlah eksport terbanyak berbanding dengan rakan dagang yang lain iaitu sebanyak 26,650.1 billion dollar Amerika pada tahun 1990 daripada jumlah keseluruhan eksport 62,093 billion dollar Amerika dan 36,890.6 billion dollar Amerika pada tahun 1999 daripada jumlah keseluruhan eksport sebanyak 194,925 billion dollar Amerika. Walaupun mengalami sedikit penurunan pada tahun 1998 sebanyak 3 billion dollar Amerika berbanding pada tahun sebelumnya ekoran daripada kegawatan ekonomi, namun jumlah eksport Hong Kong tetap memberikan kesan yang utama terhadap aliran dagangan di China.

Jumlah eksport dagangan yang dicatatkan adalah sebanyak 26,650.1 billion dollar Amerika pada tahun 1990 meningkat sehingga 43,782.9 dollar Amerika pada tahun 1997. Namun, jumlah eksport menurun kepada 38,753.2 dollar Amerika dan 36,890.6 dollar Amerika pada tahun 1998 dan 1999. Manakala, jumlah import Hong Kong semakin berkurangan daripada tahun 1990 iaitu sebanyak 14,254.4 billion dollar Amerika berbanding tahun 1999 sebanyak 6,892.4 billion dollar Amerika. Daripada keseluruhan jumlah import iaitu 165,768 billion dollar Amerika sebanyak 6,892.4 billion dollar Amerika adalah jumlah import daripada Hong Kong pada tahun 1999.

Aspek ekonomi di China ini dapat ditumpukan kepada beberapa bahagian penting iaitu hubungan terjalin di antara negara tersebut dengan ASEAN dan juga Amerika sebagai sebuah kuasa besar. Hubungan yang terjalin dapat memberikan implikasi yang tertentu kepada China mahupun kepada negara yang berurusan dengannya.

Jadual 2
Aliran Dagangan China Dengan Negara Asia - 1998
(Juta Dalam Dollar Amerika)

	Eksport		Import	
	Nilai	Pertumbuhan	Nilai	Pertumbuhan
Dunia	183.765	0.5	140.166	-1.5
Asia	98.180	-9.9	87.055	-1.5
Hong Kong	38.753	-11.5	6.658	-4.7
Jepun	29.692	-6.7	28.207	-2.7
Korea	6.269	-31.3	14.995	0.4
Malaysia	1.596	-16.9	2.668	6.9
Singapura	3.930	-9.1	4.224	-5.4
Taiwan	3.870	13.9	16.630	1.1

Sumber: Martin, M. F. (2000).

Jadual 2 menunjukkan aliran dagangan di antara China dengan negara-negara Asia pada tahun 1998. Jumlah eksport China dengan negara-negara Asia bernilai 98.180 billion dollar Amerika manakala jumlah import adalah sebanyak 87.055 billion dollar Amerika.

Pada masa kini dan di masa hadapan, China dijangka akan menghadapi suatu keadaan yang baru di rantau Asia Tenggara yang ditumpukan dalam 'hubungan tiga penjuru' (*triangular relationships*) iaitu dalam situasi '*small*', '*medium*' dan '*large*'. Dalam hubungan yang 'kecil' (*small*) terdapat hubungan di antara negara China, Taiwan dan Hong Kong. Dalam hubungan 'sederhana' (*medium*) pula, terdapat hubungan yang dijalankan di antara negara China, 'Empat Naga Asia' iaitu seperti Korea Selatan, Singapura, Taiwan dan Hong Kong serta ASEAN. Sementara itu, dalam hubungan yang 'besar' (*big*) pula terdapat hubungan di antara China, Jepun dan juga Amerika Syarikat. Kesemua hubungan tiga penjuru ini adalah merupakan satu strategi utama bagi China dalam aspek ekonomi di rantau Asia.²⁷

Hubungan dalam aspek ekonomi dan perdagangan dalam '*small triangle*' yang melibatkan China, Taiwan dan Hong Kong telah dibangunkan dengan pesat sekali pada dekad yang sebelumnya dan ketiga-tiga hubungan ini telah meningkat serta bergantung di antara satu sama lain untuk mencapai kesejahteraan dalam aspek ekonomi. China memerlukan modal teknologi dan kemahiran dalam aspek pengurusan daripada Hong Kong dan Taiwan, manakala bagi kedua-dua negara tersebut pula memerlukan bahan mentah dan pasaran daripada China.

Secara khususnya, Hong Kong dan Taiwan memerlukan sokongan daripada pihak luar untuk membangunkan teknologi baru dan industri berasaskan teknologi. Apabila berlaku tekanan iaitu wujudnya persaingan antarabangsa, Hong Kong dan Taiwan telah memindahkan industri berasaskan buruh dan berasaskan bahan mentah kepada China. Dengan penyerahan semula Hong Kong kepada China, ia telah membuka satu jalan perubahan untuk ekonomi dan pertukaran perdagangan serta wujud hubungan kerjasama di antara kedua-duanya. Keadaan ini akan menjadi satu corak pembangunan yang signifikan dalam aspek ekonomi di rantau Asia pada abad yang akan datang.

Dalam hubungan '*medium triangle*' pula keadaan ekonomi di China, '*four dragons*' (Korea Selatan, Singapura, Taiwan dan Hong Kong) dan ASEAN akan menjadi lebih kompetitif. Pada masa yang sama, hubungan ini menjadi lebih lengkap kerana China yang berdasarkan

industri pelbagai tahap dan struktur teknologinya boleh menerima pemindahan teknologi daripada *'four dragons'* sekaligus dapat memantapkan industri dan teknologi di kalangan ahli-ahli anggota ASEAN. Pada masa yang sama juga persaingan yang sengit akan wujud kerana berlakunya konflik di antara China dan *'four dragons'* dalam bidang-bidang yang tertentu seperti dalam bidang besi, perusahaan membuat mesin dan industri pembuatan kapal dan juga di antara China dan ASEAN dalam produk-produk yang berasaskan buluh seperti pembuatan tekstil dan juga bahan-bahan pembinaan.

China, *'four dragons'* dan ahli-ahli anggota ASEAN telah mengimplimentasikan program pembangunan lima hingga ke sepuluh tahun dan membentuk beberapa kemudahan asas dalam skala yang lebih besar. Skala pelaburan dalam projek pembinaan di *'four dragons'*, Thailand, Malaysia dan Indonesia telah mencapai 450 billion dolar. Ini bermaksud bahawa China akan bersaing dengan negara-negara tersebut untuk mendapatkan modal daripada pihak luar.

Dalam menganalisa keadaan ekonomi di rantau Asia khususnya, strategi yang optimum yang dilakukan oleh China bergantung kepada *'small triangle'*, meneguhkan hubungan *'medium triangle'* serta menguruskan hubungan yang bersesuaian dengan *'large triangle'*. Ini dapat dilihat dengan kebergantungan sepenuhnya dalam aspek hubungan perdagangan dan pembangunan ekonomi di antara China, Hong Kong dan Taiwan.

China perlu mengukuhkan hubungan kerjasama secara sehalu atau pelbagai hala dalam aspek ekonomi serantau dengan ASEAN, Korea Selatan dan Singapura serta mempromosikan hubungan yang saling melengkapi di antara satu sama lain. Kesemua negara tersebut yang mempunyai hubungan dengan China akan menjadi sebagai suatu platform untuk meluaskan pasaran luar China dengan menembusi pasaran lain seperti di Amerika Latin, Eropah dan Australia.

Hubungan dalam *'large triangle'* di antara China dengan kuasa besar seperti Amerika, Kanada, Jepun dan Australia harus dilakukan dengan penuh komitmen untuk menjamin kesejahteraan ekonomi China. Kemunculan China sebagai sebuah kuasa baru dalam aspek ekonomi dunia tidak boleh dianggap remeh oleh negara lain memandangkan China berpotensi besar untuk menguasai perdagangan antarabangsa. Isu yang menjadi persoalan kini adalah sejauh mana kemunculan China ini akan menggugat pertumbuhan ekonomi negara-negara lain, sama ada pada negara-negara kuasa besar ataupun terhadap negara serantau yang lain khususnya negara ASEAN.

Bahang kemunculan China dalam aspek ekonomi mula diberi perhatian apabila melihat potensi China yang menerima Pelaburan Langsung Asing (*Foreign Direct Investment*) adalah lebih besar daripada pelaburan yang diterima oleh negara-negara ASEAN. Malah, syarikat-syarikat multinasional utama dunia juga telah mula memindahkan operasi ke China kerana kos tenaga kerjanya yang murah dan banyak berbanding dengan negara ASEAN yang lain. Senario ini dijangka akan memberikan implikasi yang besar kepada ASEAN dan juga China. Kuasa ekonomi China dijangka akan memberikan limpahan ekonomi untuk dinikmati bersama oleh negara ASEAN.

Melalui perspektif ASEAN, kemunculan China sebagai kuasa baru ekonomi seharusnya di pandang dalam sudut yang positif. Ini wajar kerana perkembangan ekonomi di China akan mewujudkan konsep saling bergantung di antara ASEAN dan China. Ini juga didorong oleh faktor lain iaitu ASEAN adalah negara yang mempunyai pasaran yang luas serta tenaga buruh yang banyak. Bagi China pula, kekuatan ekonomi negara anggota ASEAN akan menjadi faktor penting baginya untuk membuka ruang pasaran bagi produk-produk yang dihasilkan oleh China untuk memastikan pertumbuhannya akan menjadi lebih mantap dan stabil.²⁸ Pandangan beberapa pemimpin dunia seperti Tun Dr. Mahathir Mohamad yang menjelaskan bahawa kemunculan dominan China dalam aspek ekonomi ini tidak boleh dianggap sebagai suatu ancaman kepada negara-negara anggota ASEAN yang lain kerana ia akan memberikan banyak kelebihan bagi kedua-dua buah negara. Ini kerana terdapat banyak lagi peluang yang akan muncul dan dapat direbut oleh ASEAN dalam perkembangan ekonomi serantau. Senario ini juga adalah berdasarkan kepada beberapa faktor lain iaitu setiap negara secara realitinya mempunyai kelebihan dan kekuatan masing-masing. Ikatan kerjasama di kalangan negara-negara ASEAN pula akan membolehkan ASEAN bersepadu dalam usaha untuk sama-sama bersaing dengan China. Kelebihan yang dimiliki oleh China dalam aspek tenaga kerjanya yang murah dan terlatih memberikan potensi pasaran yang cukup besar. Keadaan ini membolehkan China untuk menghasilkan pengeluaran pada skala yang lebih besar dengan harga yang murah dan lebih berdaya saing. Contohnya, jika pada zaman dahulu hubungan di antara China dan Malaysia adalah dalam aspek keselamatan dan kedaulatan negara, tetapi kini ia telah berkembang kepada bidang kerjasama dalam aspek ekonomi dengan pelaburan asing yang dilakukan.

Aspirasi dan semangat China untuk terus mengukuhkan kedudukannya dalam aspek ekonomi seharusnya dijadikan contoh kepada negara lain untuk terus maju dan berkembang. Hubungan

Malaysia dan China juga diluaskan lagi dalam aspek pelancongan, penerbangan, angkasa lepas, sains dan teknologi. China adalah rakan dagang Malaysia yang penting dengan pertumbuhan ekonominya yang tinggi serta menawarkan banyak peluang dan insentif yang menarik kepada Malaysia. China dilihat akan dapat memberikan keamanan dan kestabilan di rantau Asia Timur. China yang mengalami pertumbuhan ekonomi akan memberikan lebih banyak kekayaan dan ia akan memudahkan negara-negara Asia. China juga banyak terlibat dengan rantau Asia dengan menganggotai Mesyuarat Asia-Eropah serta Forum Serantau ASEAN (*ASEAN Regional Forum*).

China menyedari bahawa ASEAN menyediakan keadaan yang kondusif untuk para pelabur menanam modal. Ini kerana setiap negara ASEAN mempunyai keistimewaannya yang tersendiri dan prinsip kerjasama ASEAN yang erat menjadikan China melihat potensi ASEAN yang besar di arena antarabangsa. Sekiranya dilihat secara positif, usaha China untuk muncul sebagai sebuah kuasa dominan dalam aspek ekonomi akan menjadikannya semakin bergantung di antara satu sama lain dengan negara-negara ASEAN. Ini kerana ASEAN menyediakan pasaran yang luas bagi China disamping memiliki jumlah penduduk yang besar. Justeru itu, dalam usaha China untuk mengukuhkan lagi keadaan ekonominya, ia tidak seharusnya mengabaikan ASEAN kerana rantau tersebut juga mempunyai kepentingan buatnya. Oleh yang demikian, China harus memelihara kemakmuran dan kestabilan yang berpanjangan di rantau ASEAN.

Bagi ASEAN pula, kemunculan China sebagai sebuah kuasa ekonomi akan memberikan banyak faedah dan peluang kepadanya untuk bersama-sama mendapatkan kelebihan dalam bidang ekonomi. Malahan, ia juga akan menjadi suatu faktor pendorong bagi ASEAN untuk menerima kemasukan modal daripada China dan seterusnya akan meningkatkan perdagangan antara ASEAN dan China. Keanggotaan China sebagai sebuah negara dalam kelompok ASEAN+3 bersama-sama dengan Korea Selatan dan Jepun akan meningkatkan kemampuan China dalam aspek ekonomi. Hakikat bahawa China akan menjadi sebuah kuasa ekonomi yang dominan harus diambil kira oleh semua pihak. Ia perlu dihadapi secara positif oleh negara-negara ASEAN sekaligus merebut peluang yang wujud.

Sepanjang tempoh 35 tahun penubuhan ASEAN, bidang kerjasama ekonomi negara rantau tersebut menjadi semakin kukuh di kalangan ahlinya. Bermula dengan lima negara asal di awal penubuhannya dengan ekonomi yang terpisah, sekarang telah berkembang merangkumi sepuluh ekonomi yang berintegrasi rapat dalam bentuk

pasaran tunggal serantau yang luas, maju dan berpotensi menjadi pusat pertumbuhan serantau yang penting dalam dunia iaitu dengan tertubuhnya cadangan untuk membentuk sebuah Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (ASEAN AFTA).²⁹ Namun di sebalik kecemerlangan ekonomi yang boleh dibanggakan, ia perlu sentiasa bergerak serta berusaha untuk menjalinkan hubungan yang lebih rapat dengan negara kuasa besar ekonomi dunia. Di samping itu, pendekatan keselamatan juga perlu dititikberatkan oleh kebanyakan negara-negara ASEAN memandangkan rantau tersebut berpotensi besar untuk mengalami konflik dalaman yang lebih serius seterusnya akan melenyapkan keyakinan para pelabur asing untuk terus menanam modal di rantau tersebut. Kestabilan yang berterusan di rantau tersebut akan mengurangkan tanggapan bahawa rantau tersebut adalah berisiko tinggi untuk melakukan pelaburan.

Pada masa yang sama, China berkembang sebagai sebuah kuasa ekonomi yang berpotensi besar dengan dasar liberalisasi ekonomi yang diperkenalkan dan disokong dengan penyertaannya ke dalam WTO merupakan dua faktor utama yang menarik minat masyarakat dunia terhadap negara tersebut. Aspek-aspek seperti ekonomi, pelaburan, teknologi dan sebagainya sedang tertumpu kepada China menjadikan ASEAN semakin dipinggirkan. Oleh yang demikian, untuk terus relevan, ASEAN perlu mendekati China serta negara-negara Asia Timur yang lain seperti Jepun dan Korea Selatan. Hubungan kerjasama ASEAN dan China diperkukuhkan lagi dengan tertubuhnya Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN-China (ASEAN-China FTA) dalam tempoh sepuluh tahun. Langkah ini akan mewujudkan pasaran perdagangan bebas terbesar di dunia dengan penduduk 1.7 bilion dan saiz KDNK sebanyak 2 trillion dollar Amerika dengan jumlah perdagangan sebanyak 1.23 trillion dollar Amerika. Mengikut anggaran yang dibuat oleh Kumpulan Kajian Bersama ASEAN-China FTA, penubuhan ASEAN-China FTA akan meningkatkan eksport ASEAN ke China sebanyak 48% dan akan menyumbang kepada 0.9% terhadap kadar pertumbuhan KDNK ASEAN. Selain hasrat untuk menubuhkan kawasan perdagangan bebas ASEAN dengan China dan Negara-negara Asia Timur, terdapat inisiatif kerjasama yang lain iaitu untuk menubuhkan Kawasan Perdagangan Bebas Asia Timur (*East Asia Free Trade Area-EAFTA*). Ia adalah integrasi antara blok ASEAN dengan China, Korea dan Jepun yang juga turut dikenali sebagai ASEAN+3 seperti yang dicadangkan oleh bekas Perdana Menteri Malaysia Tun Dr. Mahathir Mohamad.

SPECIAL ECONOMIC ZONES (SEZ's)

Special Economic Zone's ini adalah zon atau kawasan perdagangan bebas cukai yang menyediakan pengecualian cukai yang istimewa untuk mengimbangi perdagangan luar negeri. Zon ini adalah aspek yang paling nyata dan jelas implikasi daripada Dasar Pintu Terbuka. Ia dibentuk dengan harapan yang tinggi daripada pihak pemerintah dalam menjana ekonomi China serta suatu tempat untuk penyerapan teknologi yang tinggi, pengurusan yang lebih moden serta efisien. Pengeluaran yang dihasilkan adalah untuk dipasarkan ke peringkat antarabangsa dengan menggunakan teknologi yang terkini.

Di antara tahun 1979 sehingga 1981, terdapat empat zon atau kawasan asal yang telah dibahagikan untuk memaksimumkan perhatian para pelabur China yang tinggal di luar China untuk membuat pelaburan.³⁰ Shenzhen merupakan kawasan yang terbesar di Wilayah Guandong terletak bersebelahan dengan Hong Kong. Zhuhai pula dibangunkan bersebelahan dengan kawasan yang pernah dimiliki oleh Portugis iaitu Macau juga berada di dalam Guandong. Shantou yang berada di bahagian timur laut Wilayah Guandong telah dibangunkan dalam kawasan yang mempunyai hubungan dengan komuniti-komuniti China di Asia Tenggara serta Xiamen di Wilayah Fujian dapat menarik perhatian para pelabur daripada Taiwan.³¹

SEZ's ini memberikan konsesi cukai yang hebat dan keistimewaan import bebas cukai kepada para pelabur asing serta memberikan kemudahan infrastruktur yang lebih meluas. Walau bagaimanapun, SEZ's yang memberikan kebebasan kepada syarikat-syarikat untuk menjalankan perdagangan telah menarik banyak syarikat dan organisasi dari luar untuk melabur disana.

Pada awalnya, pembentukan SEZ's di kawasan selatan China bukan sahaja untuk menjalinkan hubungan dengan Hong Kong dan Asia Tenggara tetapi juga sebagai eksperimen atau kajian dalam aspek ekonomi di mana kedudukan SEZ's terletak jauh daripada kawasan-kawasan industri yang sedia ada. Kawasan dan kota-kota yang di buka telah memberikan suatu kawasan yang baru untuk memudahkan capaian para pelabur asing. Walau bagaimanapun, penubuhan SEZ's ini pada mulanya agak kontroversi ekoran ia dilihat lebih mirip dengan kapitalisme, namun langkah Deng ini telah berjaya mengalakkan ekonomi di China. SEZ's telah menjadi tempat perkembangan ekonomi, pusat perindustrian yang hebat serta menjadi pusat penyerapan dan adunan ekonomi yang unggul di China. Salah satu di antara objektif utama zon ini dibentuk dengan istimewa adalah

sebagai sebuah jambatan untuk memperkenalkan modal-Modal asing, peralatan teknologi yang lebih canggih dan juga sebagai satu platform untuk melatih buruh supaya lebih cekap dan mahir di dalam mengaplikasikan teknologi yang terbaru.³²

Ekoran daripada pembentukan SEZ's ini, China banyak mendapat manfaat seperti menerima kemasukan pelaburan asing bersama-sama dengan teknologi yang terkini. Keadaan ini telah mempercepatkan lagi perkembangan ekonomi di China serta dapat menggalakkan eksport kerana keupayaan modal yang tinggi ekoran daripada pelaburan asing yang berlaku.³³ Faedah yang diperoleh China dalam aspek ini juga telah menunjukkan kemampuannya untuk bergerak pantas dalam operasi ekonomi yang berorientasikan eksport terutamanya di kawasan selatan China.

Bagi individu-individu dan syarikat dari China, kerjasama yang terjalin dengan pelabur asing akan menawarkan capaian yang mudah kepada tukaran asing, dunia luar serta dapat meningkatkan kebebasan dalam sistem ekonomi yang terancang (*planned economy*).³⁴ Oleh demikian, pelaburan asing ini sememangnya membawa banyak kelebihan buat China selain meningkatkan persaingan dengan pasaran antarabangsa dan juga domestik. Ciri dan sifat yang paling nyata dalam senario pelaburan asing di SEZ's ini ialah para pelabur mempunyai pilihan dalam menggunakan tenaga buruh kerana kos yang murah. Para pelabur akan membawa masuk bahan-bahan untuk diproses di China dan akan mengeksport kembali pengeluaran yang dihasilkan. Situasi ini seterusnya akan menjana proses ekonomi di China dengan mewujudkan peluang pekerjaan dan tukaran asing juga akan turut meningkat.

Kesan daripada pembentukan SEZ's ini adalah pembukaan beberapa buah kawasan yang baru seperti Kepulauan Hainan untuk operasi perniagaan oleh firma asing.³⁵ Sepertimana keistimewaan yang terdapat di SEZ's, bandar-bandar ini juga turut menikmati kadar cukai yang rendah, pengecualian daripada duti kastam serta kadar pembayaran yang rendah dalam penggunaan tanah untuk menarik pelaburan asing. Pelaburan asing ini penting untuk menjana ekonomi negara China.

Di antara dua kuasa utama yang memberikan perhatian kepada China adalah Amerika Syarikat dan Jepun. Corak '*flying Wild Geese*' oleh Jepun dan '*fan*' serta '*open regionalism*' oleh Amerika secara khususnya menunjukkan bahawa kedua-dua kuasa itu bersaing dalam kepimpinan dan mengetuai ekonomi di rantau tersebut.³⁶ Model '*flying*

Wild Geese' yang ditunjukkan oleh Jepun ini sebenarnya telah memberikan keadaan yang positif bagi negara-negara Asia Timur dalam membangunkan ekonomi mereka. Negara-negara yang tergolong dalam *'four Asian dragons'* serta ASEAN telah mendapat manfaat daripada perpindahan teknologi yang dilakukan oleh Jepun. Strategi yang dilaksanakan ini adalah untuk membentuk suatu order ekonomi yang baru di rantau Asia Timur yang diketuai oleh Jepun. Jepun dan Amerika Syarikat adalah rakan dagangan yang terpenting buat China iaitu mempunyai hubungan dagangan yang berjumlah kira-kira 33.8% daripada keseluruhan jumlah dagangan di China.³⁷ Berdasarkan kepada statistik, pelaburan langsung Jepun di Asia Timur iaitu termasuk China, ASEAN dan *'four Asian dragons'* adalah berjumlah 1.18 dollar Amerika pada tahun 1980 dan meningkat kepada 8.23 billion dollar Amerika pada tahun 1989 serta 7.054 billion dollar Amerika pada 1990. Bagi Amerika Syarikat, tindakan Jepun untuk mengukuhkan lagi pengaruhnya dalam aspek ekonomi di rantau Asia Timur tidak boleh dipandang ringan. Oleh yang demikian, ia juga turut meluaskan pengaruhnya melalui corak *'fan'*, Amerika bertindak sebagai pusat kegiatan hubungan sehalu yang mana pakatan ekonomi di antara Jepun dan Amerika turut di sokong oleh hubungan kerjasama sehalu di antara Korea Selatan-Amerika, Amerika-Australia serta Amerika-ASEAN.³⁸ Oleh itu, ia seterusnya akan membentuk penguasaan Amerika ke atas zon kerjasama ekonomi di Asia Pasifik. Pada masa yang sama, Amerika telah mempromosikan konsep *'open regionalism'* bersama-sama dengan Kanada dan Australia. Negara-negara tersebut percaya bahawa konsep keserantauan yang lebih terbuka ini akan memudahkan pembangunan ekonomi yang mengkhususkan kepada pembuatan dan kerjasama ekonomi. Ia juga akan mewujudkan penggunaan yang sewajarnya terhadap sumber-sumber bahan mentah serta menekankan bahawa konsep keserantauan ini seharusnya terbuka kepada seluruh dunia. Ia berakar-umbi daripada prinsip perdagangan bebas dan persaingan yang adil serta menghapuskan semua halangan, diskriminasi dan sekatan dalam perdagangan.

Hubungan di antara China, Amerika Syarikat dan Jepun yang merupakan penyumbang utama pelaburan asing ke China di lihat dalam strategi ekonomi mereka di rantau tersebut. Bagi Amerika dan Jepun, mereka amat bergantung kepada pembangunan dalam ekonomi iaitu dalam aspek perdagangan dan juga teknologi. China pula di lihat mempunyai potensi yang besar dalam ekonomi, perdagangan dan pertukaran teknologi. Oleh yang demikian, Jepun tidak mahu China menjadi pesaingnya. Ini kerana Jepun tidak mahu kelebihan yang dimiliki oleh China seperti pasaran yang luas akan menggugat kedudukannya di rantau tersebut.³⁹

KEMASUKAN CHINA KE DALAM WORLD TRADE ORGANISATION (WTO)

China tetap terserlah dalam konteks ekonomi global pada masa kini dengan pencapaian ekonominya yang cemerlang. Negara yang mengamalkan fahaman komunis ini telah mencapai suatu tahap pencapaian ekonomi yang baik iaitu 12% pada tahun 1992, 13.5% pada 1993, 11.8% pada 1994, 10.2% pada 1995 serta sekitar 11-12% pada tahun 1998 dan 7-8% pada tahun 1999.⁴⁰ Walaupun mengalami sedikit penurunan pada tahun 1999 kesan daripada krisis ekonomi yang melanda negara-negara Asia, namun China dapat mengatasi masalah tersebut dengan cemerlang dan mengekalkan prestasi ekonominya. Pertumbuhan ekonomi yang menggalakkan di China ini telah meningkatkan pengaruh China di peringkat serantau dan global.

Setelah berusaha selama 15 tahun untuk diterima menjadi ahli dalam pertubuhan perdagangan bebas iaitu World Trade Organisation (WTO), ternyata usaha yang dilakukan oleh China tidak sia-sia. Penerimaan ini akan membawa banyak perubahan dalam situasi ekonomi di China. Kemasukan China ke dalam WTO akan membawa lebih banyak peluang dan cabaran terutamanya kepada syarikat-syarikat milik masyarakat China dan juga kepada syarikat-syarikat asing yang menjalankan perdagangan di China.

Presiden Perancis Jacques Chirac berpendapat bahawa kemasukan China ke dalam pertubuhan perdagangan bebas WTO akan mengukuhkan lagi sifat-sifat universal yang sedia ada pada institusi tersebut, yang mana satu rakan kongsi akhirnya akan menyertai sistem perdagangan dunia.⁴¹ Malah, beliau berasa gembira dengan kemasukan China dengan menyifatkan bahawa kemasukannya dianggap sebagai “kejayaan besar bagi China” dan juga “berita baik kepada Perancis”. Ini kerana ia dapat memberikan banyak kelebihan kepada kedua-dua negara untuk menjalankan perdagangan.

Selain itu, China telah menggariskan beberapa komitmen dalam usaha melonggarkan perdagangan dan pelaburan asing sekiranya komitmen tersebut berjaya dilaksanakan, ia akan mengukuhkan lagi ekonomi di China kepada firma-firma asing. Meskipun China akan menuju ke arah dasar penswastan, namun aspek ekonomi di China masih lagi dikawal oleh ‘*State Owned Enterprises*’ (SOE’s) yang mana kebanyakannya adalah tidak efisien dan menguntungkan. Penstrukturan semula sektor SOE’s ini termasuk beberapa usaha untuk menswastakan beberapa buah syarikat merupakan keutamaan bagi kerajaan.

Keahlian sebagai anggota WTO akan menyebabkan beberapa perubahan yang akan memberikan kesan kepada keadaan dalaman ekonomi di China dan bagaimana China berurusan dengan dunia luar.⁴² Di antara perubahan yang berlaku adalah cukai, duti dan struktur tarif akan dilonggarkan. Tarif import ni dilonggarkan untuk memudahkan China dalam perdagangan yang lebih terbuka serta dilihat dapat menarik kemasukan modal-modal asing dan juga pelaburan langsung. Sistem undang-undang di China pula akan berubah selaras dengan peraturan WTO serta menyemak semula beberapa aspek seperti undang-undang dalam hak cipta dan juga paten. Undang-undang anti monopoli dan '*anti-dumping*' akan dibuat dan apabila ia diimplementasikan kepada umum, ia akan memberi kesan terhadap syarikat-syarikat bukan milik China yang berinteraksi dengan kerajaan dan entiti perniagaan di China. Ia juga akan meningkatkan kemampuan untuk melindungi hak-hak harta intelek (*Intellectual Property*). Syarikat-syarikat kecil akan memperolehi manfaat daripada keanggotaan China ke dalam WTO. Ia dapat diurus dengan lebih baik lagi serta dapat mengaut keuntungan daripada perdagangan antarabangsa yang dijalankan. Malahan, ia juga dapat meningkatkan kebolehan untuk mengimport dan mengeksport bahan-bahan dengan kos yang jauh lebih rendah. Pelaburan langsung asing (*Foreign Direct Investment*) juga akan turut meningkat dan China akan menjadi destinasi yang terpenting dalam aspek pelaburan ini.

Oleh itu, tidak dapat dinafikan bahawa menjadi anggota WTO bukan sahaja dapat mengukuhkan lagi kedudukan China dalam aspek ekonomi, malahan dapat juga memberikan banyak kelebihan buat China. Perubahan dan keterbukaan yang dilaksanakan oleh China bukan sahaja menjadikannya sebagai sebuah bangsa yang kuat tetapi juga keahlian dalam WTO dapat memberikan kelebihan dalam jangka masa yang panjang bagi China. Ia juga memperkayakan dan menguatkan China dalam usaha untuk mencapai matlamatnya.⁴³ Ini kerana ekonomi yang berasaskan pasaran adalah ekonomi yang menggalakkan persaingan dan ia dilihat sebagai '*survival of the fittest*'. Untuk menguasai pasaran, maka sesebuah negara itu perlu menjadi sebuah negara yang kuat supaya dapat bersaing dengan negara-negara yang lain. China dapat muncul sebagai sebuah kuasa yang unggul dengan menganggotai WTO kerana ia akan berhadapan dengan banyak persaingan dengan negara lain dan sekaligus akan mengukuhkan kedudukannya. Menganggotai WTO bermakna China perlu bersama-sama dalam pasaran antarabangsa dan keterbukaan dalam aspek ekonomi di China akan menjadikannya lebih bersedia berhadapan dengan negara-negara maju yang lain.

Di peringkat antarabangsa, kejayaan China menjadi ahli di dalam *World Trade Organisation* (WTO) secara tidak langsung dapat meningkatkan capaian para pengeksport China kepada pasaran antarabangsa di bawah satu undang-undang yang global. Pada ketika ini juga, China dapat mengambil inisiatif untuk mempromosikan kawasan-kawasan perdagangan bebasnya. Kemasukan China ke dalam WTO juga dilihat sebagai suatu langkah untuk mendapatkan penerimaan global dan prestij diperingkat antarabangsa.

Kemasukan China ke dalam WTO yang juga merupakan badan yang menetapkan peraturan dunia itu akan membawa implikasi yang meluas terhadap semua pihak di China kerana ia akan membuka ekonomi China kepada import disamping meningkatkan eksport negara tersebut. Jika diteliti dengan lebih mendalam dari aspek ekonomi, keahlian sebagai anggota WTO akan membenarkan China untuk memohon peraturan pelbagai hala untuk berurusan dengan sebarang pertikaian di peringkat bilateral serta dapat terlibat dalam pembuatan keputusan selain hanya bergantung dengan Amerika Syarikat. China percaya bahawa keahlian sebagai anggota WTO juga akan membantu China untuk melepaskan kuasa dan sekatan yang dikenakan oleh pihak Barat dan juga dapat mengurangkan pengaruh daripada '*China Threat Theory*'.⁴⁴

WTO adalah sebuah organisasi antarabangsa yang dibentuk berdasarkan kepada peraturan. Oleh itu, China akan tegas dalam mematuhi segala peraturan yang terkandung dalam WTO dan memastikan pengesahan terhadap undang-undang domestiknya. Perubahan yang perlu dilakukan adalah dasar-dasar dan peraturan yang sedia ada di China akan menjadi lebih jelas, memberikan faedah serta persekitaran yang adil bagi pedagang-pedagang asing, sekutu-sekutu dagangan serta pelabur. Melalui WTO juga, produk-produk China akan mendapat hak yang sama rata bagi memasuki pasaran serta tidak wujud konsep yang tidak adil. Namun begitu, China akan menghadapi persaingan yang sengit daripada negara-negara lain serta kejatuhan dalam sistem kewangan yang masih lagi tidak begitu kukuh kedudukannya berbanding dengan bank-bank dan syarikat asing.

Signifikan keahlian China sebagai salah sebuah negara yang menganggotai WTO juga akan menyediakan pasaran yang luas kepada Hong Kong dan Macau. Keadaan ini akan dapat membantu syarikat-syarikat asing untuk melabur di kedua-dua tempat ini sekaligus meningkatkan tahap ekonomi di kawasan tersebut. Hong Kong merupakan platform dua hala bagi pelabur asing membina pangkalan mereka untuk memasuki pasaran di China dan pada masa yang sama

syarikat-syarikat tempatan di China akan dapat menjual barangan yang dihasilkan ke luar negara kerana kehadiran MNC's di Hong Kong.

Selain itu, WTO juga menjadikan ekonomi di China menjadi lebih cekap kerana integrasinya dengan dunia global. Teknologi di China akan meningkat selaras dengan kemasukan firma-firma asing yang beroperasi. Walaupun begitu, cabaran yang paling hebat bagi China adalah konsep pasaran bebas yang mula muncul di China akan menjadikan import China semakin bertambah. China akan mula mengimport pelbagai jenis barangan untuk menjana ekonominya pada tahun-tahun awal kemasukan barangan tersebut.

Bagi Amerika dan Kesatuan Eropah pula, keahlian China sebagai anggota WTO dapat membuka pasaran China dan seterusnya mengikat China di bawah peraturan global. Ahli-ahli teori realist dalam hubungan antarabangsa berpendapat China yang kaya dan berkuasa akan muncul sebagai kuasa hegemoni baru dan menjadi pesaing global bagi negara yang berkuasa besar iaitu Amerika Syarikat.⁴⁵ China telah dapat mengatasi segala halangan dan sebagai anggota WTO, ia telah menandakan intergrasi China ke dalam order ekonomi global. Setelah memperoleh semula keyakinan diri dengan pelaksanaan dasar-dasar baru yang meningkatkan ekonominya, China menjadi salah sebuah negara yang penting dalam dunia global pada masa kini dengan menerima segala peraturan yang telah ditetapkan oleh WTO. Kemasukan China ke dalam WTO menjadikannya sebagai sebuah negara yang semakin disegani dan ia dilihat sebagai '*double-edged sword*' bagi China.⁴⁶ Selain itu, ia menjadikan China lebih selamat dalam capaian kepada pasaran antarabangsa serta dapat mendedahkan ekonomi di China kepada persaingan yang lebih mantap. Terdapat banyak kesan yang akan dihadapi oleh China sekiranya menganggotai WTO terutamanya dalam sektor kewangan dan juga industri berat. Dalam aspek kewangan misalnya, bank-bank di China akan beroperasi berdasarkan kepada urusan niaga secara langsung melalui mata wang renminbi. Dalam aspek perdagangan sekuriti, modal asing yang diperkenalkan kepada pasaran stok dan bon di China akan dibenarkan untuk menahan segala faedah dan kepentingannya. Secara tidak langsung, keadaan ini akan menjadikan tahap persaingan meningkat dalam industri perkhidmatan kewangan.⁴⁷ Bank-bank komersial yang dimiliki oleh China, syarikat-syarikat insurans dan sekuriti perlu mengubah suai strategi mereka selaras dengan undang-undang dan amalan dalam pasaran antarabangsa. Syarikat-syarikat China akan berhadapan dan bersaing dengan bank-bank yang kukuh kedudukannya dan disokong oleh pelabur asing yang mempunyai kelebihan dalam sumber modal, tenaga pekerja, teknologi dan pengalaman.⁴⁸

Dalam aspek industri berat pula, keanggotaan China ke dalam WTO akan memaksa China untuk menghapuskan sekatan tarif terhadap barangan elektrik, kemudahan komputer dan telekomunikasi dan juga produk-produk yang lain. Kelebihan yang dimiliki oleh China adalah kos buruh yang rendah. Malahan, dengan membangunkan hak-hak intelektual (*intellectual Property*) mereka, serta menggunakan hak cipta mereka sendiri untuk memasarkan barangan dalam pasaran antarabangsa dan akan melindungi para pelanggan mereka. Pada masa yang sama, persaingan yang wujud dalam pasaran yang sedang berkembang memerlukan kedudukan syarikat yang kukuh dan teguh. Dalam aspek pelaburan asing pula, China akan menerima kemasukan modal asing dengan pesat. Keadaan ini turut didorong oleh faktor-faktor seperti peningkatan populasinya serta kedinamikan ekonominya. Kemasukan China ke dalam WTO juga turut memberi kesan kepada Jepun sebagai pelabur dan negara serantau

dengan China. Seperti juga negara-negara lain, Jepun mempunyai kepentingan yang tersendiri dalam perdagangan di antara ASEAN dan khususnya kepada pelaburan yang dibuat di China. Jepun sememangnya mengalu-alukan kemasukan China ke dalam WTO kerana ingin menjalinkan hubungan kerjasama yang lebih erat dengan China khususnya dalam aspek pemindahan teknologi. Perdagangan di antara Jepun dan China adalah saling bergantung. Mengikut kajian yang dibuat oleh *Japan External Trade Organisation*, China membekalkan bahan-bahan mentah serta barangan pertanian kepada Jepun sementara Jepun pula akan mengeksport barangan modal kepada China. Pada tahun 1993 misalnya, 80% jumlah eksport Jepun ke China adalah barangan modal sementara 52% daripada import adalah tekstil dan barangan pertanian.⁴⁹ Kini, China merupakan rakan dagangan ketiga terbesar bagi Jepun manakala Jepun merupakan rakan dagangan yang terbesar bagi China. Hubungan dagangan yang semakin meningkat di antara kedua-dua negara telah menjadikan Jepun membuka lebih banyak kilang di China. Malahan, pelaburan yang dibuat oleh Jepun kepada China juga semakin meningkat. Sepanjang tahun 1990-an, China telah mengurangkan jumlah eksport bahan mentah ke Jepun tetapi telah meningkatkan eksport barangan perantaraan dan barangan siap ke Jepun. Jumlah dagangan di antara kedua-dua buah negara ini juga telah mencatatkan sebanyak 66.18 billion dollar Amerika pada tahun 1999. Pada tahun 1993 misalnya, pelaburan Jepun di China hanyalah sebanyak 4.7% sahaja daripada keseluruhan pelaburan asing yang dibuat oleh Jepun di negara luar. Namun pada tahun 1997, China merupakan penerima terbesar pelaburan dari Jepun yang berjumlah kira-kira 243.8 billion yen. Dibalikinya juga, Jepun mempunyai kepentingan yang tersendiri

untuk meningkatkan dagangan dan pelaburan dengan Hong Kong khususnya dalam syarikat-syarikat yang kecil dan sederhana.

Kemasukan China ke dalam WTO menjadikan ekonomi di China disatukan sepenuhnya dengan sistem perdagangan antarabangsa. Proses liberalisasi yang berlaku akan meningkatkan kecekapan ekonomi China serta akan menggalakkan kemajuan industrinya. Malah, persaingan yang wujud juga akan menjadikan China berusaha untuk meningkatkan keberkesanan dalam pengeluaran barangan.

SIGNIFIKAN KEMASUKAN HONG KONG DAN MACAU KE DALAM CHINA

China telah berusaha untuk memastikan wujudnya ikatan yang kuat di antara negaranya dengan negara-negara serantau yang lain untuk mendapatkan kelebihan dalam keadaan ekonomi yang kukuh. China seperti rakan dagangannya dalam Pertubuhan Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) mengakui bahawa terdapat banyak kelebihan yang akan dicapai sekiranya wujud konsep rantau yang lebih terbuka (*open regionalism*), menguatkan kerjasama, penghapusan halangan dagangan, tiada diskriminasi dan kemudahan dalam perdagangan dalam rantau tersebut (*intra-trade*) serta wujudnya teknologi dan pelaburan.⁵⁰ China amat bergantung kepada negara-negara kuasa besar dari aspek teknologi, pasaran serta perdagangan melihat bahawa penyerahan Hong Kong kepada China adalah suatu kelebihan buatnya.

Hong Kong diserahkan kembali kepada China melalui Perjanjian Sino-British yang dicapai pada tahun 1984. Keadaan ini suatu langkah awal untuk China menguasai semula wilayahnya yang dikuasai oleh kuasa-kuasa Barat semasa zaman penjajahan dalam usahanya untuk membentuk '*Greater China*'.⁵¹ Ini juga menandakan era baru kebangkitan kuasa China di arena antarabangsa.

Hong Kong telah diduduki oleh United Kingdom pada tahun 1841 dan pada tahun 1997, ia telah diserahkan kembali kepada China dengan melaksanakan pemerintahan wilayah pentadbiran khas iaitu *Special Administrative Region* (SAR). Dalam perjanjian yang termeterai di antara Hong Kong dan United Kingdom, China akan mengadaptasi pemerintahan 'satu negara, dua sistem' iaitu sistem sosialis ekonomi di China tidak akan diamalkan di Hong Kong dan ia akan menikmati autonomi penuh dalam semua aspek kecuali dalam perhubungan antarabangsa dan juga dalam aspek pertahanan untuk tempoh lima puluh tahun yang akan datang.

Hong Kong akan menikmati kadar autonomi yang tinggi tanpa campur tangan daripada China dengan kewujudan legislatif, eksekutif dan kuasa undang-undang yang diamalkan oleh penduduk tempatan yang diakui oleh kerajaan pusat. Entiti ekonomi juga akan tetap terpisah daripada China dengan penggunaan matawang asal, operasi pelabuhan bebas dengan pengamalan undang-undang kastam serta imuniti daripada cukai. Keadaan ini tidak akan berubah dalam tempoh 50 tahun yang akan datang.⁵² Hong Kong mengamalkan ekonomi pasaran bebas yang amat bergantung dengan perdagangan antarabangsa. Sebelum dikembalikan kepada China, Hong Kong tetap menjalinkan perdagangan dan mempunyai ikatan pelaburan dengan China. Industri utama yang dijalankan di Hong Kong adalah seperti tekstil, pelancongan dan pengeluaran barangan elektronik. Hong Kong juga berfungsi sebagai suatu transit utama dalam aspek perdagangan di antara China dengan negara lain. Peniaga China di Hong Kong juga turut menyumbangkan pelaburan dalaman yang tinggi kepada China.⁵³

Jadual 3
Aliran Perdagangan Hong Kong
(Juta Dalam Dollar Amerika)

Eksport	Jumlah Keseluruhan Eksport	Eksport Peringkat Tempatan	Pengeksportan Semula	Import
1990	82.035	28.958	53.077	164.411
1991	98.190	29.621	68.569	99.869
1992	118.584	30.016	88.568	122.474
1993	134.135	28.593	105.542	137.512
1994	150.001	28.473	121.528	160.347
1995	172.324	29.700	142.624	191.169
1996	179.220	27.200	152.020	196.869
1997	186.660	27.104	159.556	207.063
1998	172.776	24.161	148.615	183.217
1999	172.949	21.872	151.077	178.554

Sumber: Martin, M. F. (2000).

Sekiranya diteliti, penyerahan Hong Kong kepada China tidak memberi kesan kepada hubungan dagangan dan pelaburan dengan negara ASEAN. Walaupun begitu, memandangkan keadaan ekonomi di Hong Kong dengan pembangunan yang dijalankan terutamanya dalam aspek perniagaan antarabangsa ia akan menstrukturkan semula corak hubungan dagangan dan pelaburan dengan negara-negara Asia.

China akan bertindak dengan berhati-hati dalam aspek mengurus Hong Kong kerana ia adalah pasaran kewangan yang penting buat China dan China menganggapnya sebagai '*China's Wall Street*'.⁵⁴ Hong Kong telah menyediakan 2/3 daripada keseluruhan pelaburan langsung asing di China. Pada tahun 1991 dan 1995, terdapat kira-kira 80 billion dollar Amerika yang telah dilabur oleh Hong Kong di China seterusnya menyumbang kepada perkembangan ekonomi yang pantas di China. Di kawasan Guangdong, pelabur daripada Hong Kong telah menubuhkan kira-kira 50,000 syarikat yang menawarkan peluang pekerjaan kepada kira-kira 4 juta pekerja.⁵⁵ Signifikannya, negara-negara serantau akan menerima kesan daripada perkembangan ekonomi di China dan secara tidak langsung akan meningkatkan pengaruh China.

Macau adalah sebuah negara yang pernah dijajah oleh Portugis pada abad ke-16 dan merupakan penyelesaian yang pertama berjaya dicapai di rantau Asia Timur. Berdasarkan kepada perjanjian yang dilakukan oleh China dan Portugal pada 1987, Macau juga akan mengamalkan '*Macao Special Administrative Region*' (SAR) sekiranya diserahkan kepada China. Macau menjadi sebahagian daripada China apabila ia diserahkan kembali pada tahun 1999. Seperti juga Hong Kong, Macau juga mengamalkan konsep '*One country, Two systems*' sistem ekonomi sosialis yang dipraktikkan di China tidak akan diamalkan di Macau. Ekonomi yang dijalankan di Macau adalah berdasarkan pelancongan, tekstil dan perkilangan. Macau melaksanakan dasar pelabuhan bebas dan ekonomi perdagangan bebas. Sebelum Hong Kong memulakan perdagangan melalui pelabuhannya, Macau adalah salah sebuah destinasi entreport yang besar di rantau Asia Timur dan ia mempunyai kedudukan yang strategik iaitu jalan laluan utama yang mesti dilalui oleh Kesatuan Eropah untuk berdagang dengan China dan Jepun. Penyerahan Macau kepada China akan meningkatkan lagi pembangunan di China kerana kelebihan yang dimilikinya.

KESIMPULAN

Penyertaan China dalam WTO menunjukkan bahawa kuasa negara Asia Timur itu sudah bersedia untuk bersama-sama bersaing dengan negara maju yang lain. Keterbukaan dalam aspek ekonomi juga menunjukkan bahawa China perlu bersedia untuk menanggung sebarang risiko dan melakukan pengubahsuaian dalam ekonomi mereka. Perubahan kepada ekonomi yang berorientasikan pasaran telah memaksa China untuk melakukan pengubahsuaian dalam institusi-institusi sosialnya walaupun setelah menjadi anggota WTO. Walaupun berhadapan dengan ketegangan dan kekacauan dalam

pelbagai aspek termasuklah globalisasi, pasaran, perbandaran dan sebagainya, namun kepimpinan di China telah berusaha untuk mencapai keseimbangan dalam perubahan yang dilakukan serta memperoleh kestabilan melalui pembangunan.

Bermula pada tahun 1990-an, hubungan dagangan dan pelaburan telah meningkat yang telah banyak memberikan keuntungan kepada China. Malah, keahlian China sebagai salah sebuah negara yang menganggotai WTO juga akan meningkatkan keupayaannya di peringkat global dengan menjadikan ekonomi China semakin cekap melalui intergrasinya dengan ekonomi global dan penyelarasan terhadap pengurusan serta peraturan di peringkat antarabangsa. Keadaan ini seterusnya dapat mengukuhkan lagi keadaan ekonomi China. Ia sebenarnya memberikan peluang kepada China untuk memajukan teknologinya bagi mempercepatkan penstrukturan industri tempatan sekaligus menjadikan China lebih bersedia untuk menghadapi persaingan dengan negara luar.

Keahlian sebagai salah sebuah negara yang menganggotai WTO tidak lagi menimbulkan keraguan mengenai komitmen China dalam aspek liberalisasi ekonomi dan juga globalisasi di kalangan para pemimpinnya. Malahan, China juga telah mengambil langkah untuk mempromosikan kestabilan dan keterbukaan dalam aspek ekonomi di Asia. China menjadi ahli yang penting bagi rantau Asia Timur dalam aspek politik, keselamatan mahupun ekonomi. Perubahan dalam dasar dan pembukaan negaranya kepada dunia luar telah mempromosikan hubungan dagangan dengan negara-negara lain. Rakan-rakan dagangan China seperti Hong Kong, Macau, Jepun, Amerika Syarikat, Taiwan dan Korea Selatan juga turut merupakan pelabur penting di China.

Kejayaan China menjana aspek ekonominya dengan berkesan bukan sahaja memberikan keuntungan kepadanya tetapi juga kepada negara-negara yang lain. ASEAN misalnya akan menerima faedah ekoran kemasukan China ke dalam WTO kerana peluang pasaran yang lebih tinggi. Malahan, hubungan dagangan yang semakin meningkat ini juga akan menjadikan rantau Asia semakin disegani dalam usaha untuk meningkatkan ekonomi mereka.

Bagi negara kuasa besar pula seperti Amerika Syarikat dan Jepun, China dilihat sebagai pesaing yang perlu 'diikat' melalui hubungan dagangan yang lebih erat untuk memastikan China tidak muncul sebagai pencabar utama mereka. Kemampuan China untuk menjadi pesaing utama pada negara-negara tersebut adalah sesuatu yang tidak mustahil memandangkan China sememangnya berkemampuan untuk

mencapainya melalui perubahan yang dilakukan dalam aspek ekonomi dan juga modernisasi yang dilakukan di dalam aspek perdagangan. China yang berada di tempat yang kesembilan pada tahun 1994 yang mempunyai GDP (dalam billion dollar Amerika) dijangka akan menjadi sebuah negara yang mempunyai GDP yang tertinggi pada tahun 2020 dengan menjadikan kedudukan Amerika Syarikat di tempat yang kedua diikuti dengan Jepun dan India. Pada masa hadapan, pembangunan ekonomi China ini dilihat akan memberikan kesan yang positif kepada rantau Asia. Ia akan mencipta peluang yang lebih besar kepada China sendiri dan juga negara-negara jirannya. Dengan kekuasaan dan pengaruh yang semakin berkembang, negara-negara jiran China seperti Russia, Mongolia, Burma, Cambodia, Laos, Vietnam, Malaysia, Singapura dan Thailand akan lebih cenderung untuk menumpukan kepada China.

Penyerahan Hong Kong dapat meningkatkan kuasa ekonomi China serta mendapat prestij sebagai sebuah kuasa untuk mentadbir Hong Kong. Kini, kuasa-kuasa besar tidak boleh lagi memandang ringan terhadap kemampuan China di arena antarabangsa. Kini dengan gabungan ekonomi China, Jepun, Korea serta negara-negara Asia Tenggara, ekonomi rantau Asia Timur akan menjadi enjin penggerak utama kepada ekonomi global. Gabungan ekonomi negara-negara Asia Timur ini dijangka akan melebihi pencapaian Kesatuan Eropah pada tahun 2010 serta dilihat akan merapati ekonomi Amerika Syarikat pada tahun 2015. Meskipun negara-negara rantau Asia tidak sekaya negara-negara yang tergolong dalam G-7 namun ia tetap memainkan peranan penting terhadap ekonomi global.

Oleh yang demikian, kunci kepada kejayaan ekonomi rantau Asia Timur terletak kepada kestabilan dan pertumbuhan mampan ekonomi China pada masa-masa yang akan datang. Matlamat ini mampu dicapai kerana China mempunyai tiga faktor penting untuk menjana ekonominya iaitu pembangunan prasarana secara besar-besaran, proses perbandaran yang efektif serta pertumbuhan pesat sektor automotif di negara tersebut. Perkembangannya ini akan dapat memberikan manfaat kepada negara-negara jirannya dari segi pasaran dan sebagainya. Oleh itu, negara-negara lain khususnya di rantau Asia perlulah melakukan pengubahsuaian untuk berhadapan dengan 'naga' yang sedang bangkit ini.

RUMUSAN

Kemunculan China sebagai sebuah kuasa hegemoni yang baru dalam aspek ekonomi dunia bukan lagi merupakan suatu isu baru malahan

ia adalah suatu hakikat yang perlu dihadapi oleh semua pihak. Kini, dunia perlu mengambil kira langkah-langkah yang perlu untuk menghadapi China dan menganggapnya sebagai suatu kelebihan yang tidak harus dipandang ringan. Isu utama kini adalah sejauh mana kemunculan China itu dapat menggugat pertumbuhan ekonomi negara-negara Asia Timur malahan juga secara global.

Bahang kemunculan China ini telah dirasai oleh semua pihak dan mereka seharusnya tidak perlu teragak-agak di dalam menentukan pendekatan yang harus diambil untuk menghadapi China. Namun, realitinya setiap negara mempunyai kelebihan masing-masing dan ia dapat dinikmati sekiranya semua pihak bekerjasama. Keadaan ini merujuk kepada kebangkitan China sebagai sebuah kuasa besar dan ia seharusnya dianggap sebagai satu rakan yang strategik dan bukannya sebagai musuh atau seteru yang perlu dihadapi. Kekuatan konsep kerjasama ini akan membolehkan negara-negara lain secara bersepadu menandingi China.

Kelebihan yang dimiliki oleh China dalam aspek ekonomi seperti tenaga kerjanya yang murah dan terlatih di samping pasaran domestik yang besar, menjadikan China berpotensi untuk mengeluarkan serta melakukan penghasilan barangan pada skala yang lebih besar dengan harga yang murah dan lebih berdaya saing.

Namun, China turut menghadapi pelbagai kelemahan yang perlu di lihat sebagai suatu cabaran untuk muncul sebagai sebuah kuasa yang berpengaruh dalam aspek ekonomi ini. Ia kerana faktor tenaga buruh yang murah di China bukanlah merupakan suatu perkara yang dapat dipertahankan sepanjang masa kerana ia akan mengalami perubahan menurut peredaran masa bergantung kepada pertumbuhan ekonomi itu sendiri.⁵⁶ Keadaan ini wujud ekoran perkembangan ekonomi yang mantap akan menjadikan kadar tuntutan upah yang lebih tinggi. Akhirnya, ia akan menjadikan upah terhadap tenaga kerja semakin meningkat sejajar dengan kepesatan pertumbuhan ekonomi. Fenomena ini juga pernah dihadapi oleh negara-negara yang berada dalam kelompok ASEAN. Ketika kos tenaga kerja masih rendah, ASEAN menjadi pilihan utama para pelabur untuk menanam modal dan menempatkan syarikat-syarikat multinasional mereka. Namun keadaan ini berubah apabila ekonomi menjadi semakin kukuh menyebabkan kos yang semakin meningkat dan menyebabkan pelabur mulai menumpukan perhatian mereka ke negara China serta memindahkan operasi mereka ke sana.

Justeru itu, ia seharusnya di lihat sebagai suatu cabaran buat China untuk mencapai matlamatnya. Ini kerana fenomena yang berlaku di

ASEAN akan turut dirasai oleh China. Di antara contoh yang lain dapat di lihat adalah di negara Jepun. Kos tenaga kerja yang murah tidak dapat bertahan lama dan apabila Jepun menjadi semakin maju maka kos tenaga kerja telah naik dengan mendadak dan mengakibatkan Jepun yang terpaksa mengambil langkah untuk melabur ke negara lain terutamanya Asia Tenggara bagi memastikan agar mereka terus mampu untuk bersaing di pasaran.

Namun, China perlu mengenal pasti cabaran yang perlu dihadapinya serta mengambil langkah-langkah yang wajar untuk mengatasinya. Faktor-faktor lain yang perlu diberikan perhatian adalah aspek politik, tenaga kerja yang terlatih serta keamanan dan kestabilan dalaman. Hakikat yang perlu diterima kini adalah China telah wujud sebagai sebuah negara yang memberikan cabaran dalam aspek ekonomi. Ia tidak dapat diubah malah ia perlu dihadapi dengan bijak.

Ekoran daripada pelaksanaan dasar yang lebih terbuka kepada dunia luar, China lebih berdaya saing dan dapat meningkatkan kemajuan ekonominya. Berbeza dengan amalan yang dipegang oleh China sebelum ini iaitu dasar pemencilan yang dianggapnya sebagai suatu faktor penyebab kepada kemunduran ekonominya serta tidak dapat menjana keadaan ekonomi negaranya dengan baik.

Integrasinya dengan dunia luar menjadi lebih efisien dengan kemasukan modal asing yang banyak serta memberikan keuntungan kepada China. China menjadi lebih cekap serta berdaya saing dengan hubungannya yang rapat dalam aspek kerjasama ekonomi. Negara Asia Tenggara seperti Malaysia misalnya disaran agar tidak menganggap China sebagai suatu ancaman sebaliknya perlu melihat bahawa kemasukan China ke dalam WTO sebagai satu peluang perniagaan yang besar yang diwujudkan bagi para usahawan.⁵⁷

Kemasukan China ke dalam WTO akan menyaksikan banyak syarikat antarabangsa menempatkan operasi perniagaan di China dan akan memberikan kelebihan kepadanya. Majlis Perniagaan Amerika Syarikat-ASEAN misalnya tidak membantah hasrat ASEAN untuk menjalinkan hubungan dagangan dengan China melalui Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) malahan mengalu-alukan langkah tersebut.

Presiden Majlis itu, Ernest Z. Bower berpendapat bahawa perjanjian tersebut bukan sahaja akan meningkatkan kecekapan melalui persaingan yang wujud tetapi juga ia hendaklah konsisten dengan syarat-syarat perjanjian perdagangan WTO. Namun, Amerika berpendapat bahawa ASEAN perlu berunding dengan China bagi

memastikan para pelabur Amerika sentiasa kekal dan selesa melabur di Asia. Ini kerana rantau Asia Tenggara adalah pasaran utama dan destinasi pelaburan yang penting bagi Amerika.⁵⁸

NOTA AKHIR

- ¹ Mohd Noor Yazid. (2000). *Politik Antarabangsa Asia Pasifik*. Kuala Lumpur : Utusan Publications And Distributors. 64.
- ² Ibid., 63.
- ³ Zhao, Quansheng. (2000). China and Major Power Relations in East Asia. *Journal of Contemporary China*, 10(29). 663-664.
- ⁴ Fanzhang, Huang. (1994). Situation and Configuration of the East Asia Economy and China's Economic Strategy in The Region,. *Chinese Economic Studies*, 27 (4), 5.
- ⁵ Mao Zedong dan Mao Tze-Tung adalah individu yang sama. Penggunaan ejaan yang berlainan adalah kerana mengikut ejaan dalam buku-buku, majalah dan sebagainya yang dibuat sebagai rujukan.
- ⁶ Dernberger, Robert F. (1999). *The People's Republic of China at 50: The Economy*. New York: Oxford University Press. 44.
- ⁷ Ibid., 45.
- ⁸ Ibid., 48.
- ⁹ Dernberger, Robert F. (1999). *The People's Republic of China at 50: The Economy*. New York: Oxford University Press. 49.
- ¹⁰ Ibid., 50.
- ¹¹ <http://www.countryreports.org/content/china.htm>
- ¹² Lihat dalam Brahm, Lawrence J. (1996). *China As No 1: The New Superpower Takes Centre Stage*. Singapore: Internaional Press Co. Pte Ltd. 62.
- ¹³ Secara umumnya, konsep Dengism ini adalah melibatkan pembinaan unsur-unsur sosialisme dengan karakter-karakter China itu sendiri yang juga termasuklah perubahan dalam gaya pasaran dan pintu yang lebih terbuka kepada para pelabur asing. Ia dibangunkan sebagai satu langkah bagi China untuk mencapai modenisasi. Lihat Wang, James C. F. (1995). *Contemporary Chinese Politics: An Introduction* (3rd ed). New Jersey: Prentice Hall, Englewood Cliffs. 279-280.
- ¹⁴ _____. (8 September 2002). Asia Timur Diramal Dominasi Ekonomi, *Mingguan Malaysia*, 2.
- ¹⁵ Fanzhang, Huang. (1994). Situation and Configuration of the East Asian Economy-and China's Economic Strategy in The Region. *Chinese Economic Studies*, 27 (4), 12.
- ¹⁶ Leung, Chi Keung & Chin, Steve S. K. (1983). *China in*

Readjustment. Centre of Asian Studies: University of Hong Kong. 178.

¹⁷ Fungsi SEZ's mengikut pandangan ahli ekonomi Xu Dixin iaitu Pengarah di *Institute of Economics of The Chinese Academy of Social Science* adalah seperti berikut:

- 1) Sebagai suatu jambatan untuk mempelajari dengan lebih maju dalam aspek 'teknik dan kaedah saintifik dalam aspek pengurusan melalui galakan modal yang dibuat daripada pelaburan asing.
- 2) Untuk menggalakkan persaingan di antara rantau dalam kawasan pengeluaran yang efisien dan permintaan pasaran.
- 3) Untuk menjana serta menyerap amaun yang besar dalam pertukaran asing.
- 4) Untuk bertindak sebagai sebuah makmal untuk menjalankan kajian ataupun sebagai 'unit eksperimen' untuk perubahan dalam aspek ekonomi.
- 5) Untuk mewujudkan peluang pekerjaan kepada penduduk yang tidak bekerja.

Lihat Theen, Rolf. H. W. & Wilson, Frank L. (1996). *Comparative Politics: An Introduction to Seven Countries*. (3rd ed). New Jersey: Prentice Hall, Upper Saddle River. 480.

¹⁸ Ibid., 480-481.

¹⁹ Garver, J. W. (1993). *Foreign Relations of The People's Republic of China*. New Jersey: Prentice Hall, Englewood Cliffs. 93.

²⁰ Ibid., 194.

²¹ Eckstein, Alexander. (1977). *China's Economic Revolution*. Cambridge: Cambridge University Press. 240-241.

²² Fanzhang, Huang. (1994). Situation and Configuration of the East Asia Economy and China's Economic Strategy in the Region. *Chinese Economic Studies*, 27 (4), 11.

²³ Benewick, R. & Wingrove, P. (1999). *China in The 1990's*. MacMillan: London. 178.

²⁴ Breslin, S. (2000). Decentralization, Globalisation and China's partial Re-engagement with the Global Economy. *The Journal New Political Economy*, 5 (2), 213.

²⁵ Ibid., 180.

²⁶ Martin, M. F. (2000). *Current Trends in Intra-Asian Trade and Investment That Involves China With Focus on Hong Kong, Taiwan and Southeast Asia*. Washington: Institute for National Strategic Studies and National Defence University. 2.

²⁷ Fanzhang, H. (1994). Situation and Configuration of the East Asia Economy- And China's Economic Strategy in the Region. *Chinese Economic Studies*, 27 (4), 12.

²⁸ Ahmad Abdul Hamid. (27 Mei 2002). Menyaingi kuasa China,

Utusan Malaysia. 6.

- 29 Mohd. Hafiah Piei. (1 September 2002). Menoleh Ke Belakang Dan Memandang Ke Hadapan :Tiga Puluh Lima Tahun ASEAN, *Mingguan Malaysia*, 10.
- 30 Kemenade, W. V. (1997). *China, Hong Kong, Taiwan, Inc.* New York: Alfred A. Knopf. 162.
- 31 Terdapat enam kawasan yang terletak di bawah SEZ's ini yang telah dibangunkan pada awal tahun 1980-an. Ia adalah kawasan yang terletak di kawasan berpantai dan berada dalam keadaan yang strategik iaitu Xiamen di seberang selat Taiwan, Zhuhai di seberang Macau, Shenzhen di seberang Hong Kong, Shekou dan Shantou yang terletak berdekatan dengan Hong Kong. Pada lewat tahun 1980-an, Kepulauan Hainan juga turut diisytiharkan sebagai salah satu kawasan SEZ's. Lihat Brahm, Lawrence J. (1996). *China As No 1: The New Superpower Takes Centre Stage*. Singapore: International Press Co. Pte Ltd.. 23.
- 32 SEZ's ini sebenarnya telah dibentuk sebagai suatu "window" terhadap teknologi asing, pengetahuan, amalan-amalan pengurusan dan kajian untuk meningkatkan kepenggunaan buruh. *Ibid.*, 173.
- 33 Benewick, R. & Wingrove, P. (1999). *China in The 1990's*. London: MacMillan. 174.
- 34 *Ibid.*, 175.
- 35 Garver, J. W. (1993). *Foreign Relations of The People's Republic of China*. New Jersey: Prentice Hall, Englewood Cliffs. 200.
- 36 Fanzhang, H. (1994). Situation and Configuration of the East Asia Economy-And China's Economic Startegy in the Region. *Chinese Economic Studies*, 27 (4), 9.
- 37 Zhao, Q. (2001). China and Major Power Relations in East Asia. *Journal of Contemporary China*, 10 (29), 666.
- 38 Fanzhang, H. (1994). Situation and Configuration of the East Asia Economy-And China's Economic Startegy in the Region. *Chinese Economic Studies*, 27 (4), 10.
- 39 *Ibid.*, 13.
- 40 Kemenade, W. V. (1994). *China, Hong Kong, Taiwan Inc.* New York: Alfred Knopf Inc. 3.
- 41 _____ . (12 November 2001). China diterima sertai WTO, *Utusan Malaysia*. 11.
- 42 Yinqing, Di & Gang, Z. (2000). What Does China's Joining The WTO Actually Imply with Regard to China's long- term Interests. *The Chinese Economy*, 33 (2), 14.
- 43 *Ibid.*, 16.
- 44 Sejak berakhirnya Perang Dingin dan runtuhnya kuasa Soviet Union, China sering diperkatakan untuk muncul sebagai kuasa

- baru yang berpengaruh. China bukan sahaja mempunyai kemampuan dari aspek ekonomi malahan juga dalam aspek ketenteraan untuk menggantikan Soviet yang lumpuh. Signifikan daripada hal itu menyaksikan bahawa dunia kluatir dengan ancaman China yang akan mencabar kuasa-kuasa lain yang sedia ada. Namun, ada juga pihak yang berpendapat bahawa China tidak seharusnya dilihat sebagai suatu ancaman malahan sebagai suatu kelebihan bagi negara-negara di Asia Timur. Lihat Mohamed Mustafa Ishak. (1993). *Ancaman China: Realiti atau sekadar Permainan Politik Barat?*. Dewan Masyarakat. Hal: 28-30.
- 45 Yang, Dali L. (2002). *Economic Liberalization and Its Political Discontents*, *Asian Survey*, 42 (1), 17.
- 46 Ibid., 18.
- 47 Luolin, Wang. (2000). The Impact of China's Joining the WTO on Various Sectors in Our Country. *The Chinese Economy*, 33 (2), 49-53.
- 48 Ibid., 50.
- 49 Cooper, C. (2000). The Impact of China's Accession to the World Trade Organisation: Implications for Korea and Japan, *Institute for National Strategic Studies and National Defence University dalam <http://www.ndu.edu/inss/pacific2000/cooperpaper.htm>*.
- 50 Klintworth, G. (2000). *Implications of the Reversion of Hong Kong for China, Taiwan and the Region*. *United States of America: Ashgate*. 266.
- 51 Mohd Noor Yazid. (2000). *Politik Antarabangsa Asia Pasifik*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distribotors. 51.
- 52 Garver, J. W. (1993). *Foreign Relations of The People's Republic of China*. New Jersey: Prentice Hall, *Englewood Cliffs*. 235.
- 53 Ibid., 232.
- 54 Klintworth, G. (2000). *Implications of the Reversion of Hong Kong for China, Taiwan and the Region*. *United States of America : Ashgate*. 267.
- 55 Ibid. , 268.
- 56 Ahmad Abdul Hamid. (27 Mei 2002). Menyaingi Kuasa China, *Utusan Malaysia*, 6.
- 57 _____. (12 September 2002). WTO: Jangan Anggap China Sebagai Satu Ancaman, *Utusan Malaysia*, 24.
- 58 _____. (12 September 2002). AS Sokong ASEAN Jalin FTA Dengan China, *Utusan Malaysia*, 24.

RUJUKAN

- Benewick, R. & Wingrove, P. (1999). *China in The 1990's*. London: MacMillan.
- Brahm, L. J. (1996). *China As No 1: The New Superpower Takes Centre Stage*. Singapore: International Press Co. Pte. Ltd.
- Breslin, S. (2000). Decentralisation, Globalisation, and China's partial re-engagement with The Global Economy. *The Journal New Political Economy*, 5(2), 205-226.
- Dernberger, R. F. (1999). *The People's Republic of China at 50: The Economy*. New York: Oxford University Press.
- Eckstein, A. (1977). *China's Economic Revolution*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Fanzhang, Huang. (1994). Situation and Configuration of the East Asia Economy –And China's Economic Strategy in The Region. *Chinese Economic Studies*, 27 (4), 1-12.
- Garver, J. W. (1993). *Foreign Relations of the Peoples Republic Of China*. New Jersey: Prentice Hall, Englewood Cliffs.
- Kemenade, W. Van. (1997). *China, Hong Kong, Taiwan, Inc*. New York: Alfred A. Knopf.
- Klintworth, G. (2000). *Implications of the Reversion of Hong Kong for China, Taiwan and the Region*. United States of America: Ashgate.
- Kooper, C. (2000). *The Impact of China's Accession to the World Trade Organisation: Implications for Korea and Japan*, Institute for National Strategic Studies and National Defence University. <http://www.ndu.edu/inss/pacific2000/cooperpaper.htm>
- Leung, Chi K. Chin & Steve S. K. (1983). *China in Readjustment*. Centre of Asian Studio: University of Hong Kong.
- Luolin, Wang. (2000). The Impact of China's Joining the WTO on Various Sectors in Our Country. *The Chinese Economy*, 33(2), 49-53.
- Martin, M. F. (2000). *Current Trends in Intra-Asian Trade and Investment that Involves China With a Focus on Hong Kong, Taiwan and Southeast Asia*. Washington: Institute for National Strategic Studies and National Defence University. <http://www.ndu.edu/inss/symposia/pacific2000/martinpaper>.
- Mohamed Mustafa Ishak. (1993). Ancaman China: Realiti atau sekadar Permainan Politik Barat?, Dewan Masyarakat.
- Mohd. Hafiah Piei. (1 September 2002). Menoleh Ke Belakang Dan Memandang Ke Hadapan : Tiga Puluh Lima Tahun ASEAN, Mingguan Malaysia.
- Mohd. Noor Yazid. (2000). *Politik Antarabangsa Asia Pasifik*. Kuala Lumpur : Utusan Publications and Distributors Sdn Bhd.
- Suffian Mansur. (2002). Cabaran China Abad Ke-21. *Majalah Pemikir*, Januari-Mac.

- Theen, R. H. W. & Wilson, F. L. (1996). *Comparative Politics: An Introduction to Seven Countries*. (3rd ed). New Jersey: Prentice Hall, Upper Saddle River.
- Wang, James C. F. (1995). *Contemporary Chinese Politics : An Introduction* (5th ed). New Jersey: Prentice Hall, Englewood Cliffs.
- Yang, Dali L. (2001). China in 2001: Economic Liberalization and Its Political Discontents. *Asian Survey*, 42 (1), 14-28.
- Yinqing, Di & Gang, Zheng. (2000). What Does China's Joining The WTO Actually Imply with Regard to China's long- term Interests?. *The Chinese Economy*, 33(2), 13-22.
- Zhao, Quansheng. (2001). China and Major Power Relations in East Asia. *Journal of Contemporary China*, 10(29), 663-681.
- Ahmad Abdul Hamid. (8 September 2002). Asia Timur Diramal Dominasi Ekonomi, *Mingguan Malaysia*.
- Ahmad Abdul Hamid. (27 Mei 2002). Menyaingi kuasa China, *Utusan Malaysia*.
- Ahmad Abdul Hamid. (12 November 2001). China diterima sertai WTO, *Utusan Malaysia*.
- Ahmad Abdul Hamid. (12 September 2002). WTO: Jangan Anggap China Sebagai Satu Ancaman, *Utusan Malaysia*.
- Ahmad Abdul Hamid. (12 September 2002). AS Sokong ASEAN Jalin FTA Dengan China, *Utusan Malaysia*.